

PERUNDINGAN AWAM BERKENAAN SEMAKAN MEDISHIELD

Sebagai sebahagian daripada semakan manfaat dan premium MediShield Hayat, Majlis MediShield Hayat akan menjalankan perundingan awam untuk mendapatkan pandangan berkenaan saranan dan cadangan awal untuk peningkatan skim tersebut. Perundingan awam itu akan diadakan dari 29 September hingga 20 Oktober 2020.

Memastikan penjagaan kesihatan berpatutan untuk warga Singapura

2. MediShield Hayat merupakan pelan insurans kesihatan asas yang dilancarkan pada 25 November 2015 untuk melindungi semua warga Singapura daripada kos bil rawatan yang tinggi tanpa mengira keadaan kesihatan sedia ada secara seumur hidup. Majlis MediShield Hayat telah melantik Menteri Kesihatan untuk memberikan saranan berkenaan batasan polisi dan skim MediShield Hayat, dan menyemak pentadbirannya. Ini merupakan semakan besar pertama sejak skim ini dilancarkan, dan perubahan-perubahan yang dijangka akan diimplementasikan pada awal 2021.

3. Pengerusi Majlis MediShield Hayat, Puan Fang Ai Lian, mengatakan, "MediShield Hayat memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan kesihatan kekal termampu dan memberi warga Singapura ketenangan fikiran. Kami harus melakukan semakan berkala dan mengemaskinikan manfaat dan premium skim untuk bersaing dengan perubahan amalan perubatan, kos inflasi kesihatan dan pengalaman tuntutan sebenar agar skim ini terus memberikan jaminan kepada warga Singapura di samping kekal mampan. Dengan pihak Majlis menjalankan semakan ini, kami menjemput warga Singapura berkongsi idea dan pandangan melalui perundingan awam agar MediShield Hayat akan terus memanfaatkan pemegang-pemegang polisi.

Saranan Awal Majlis MediShield Hayat

4. MediShield Hayat dibentuk berdasarkan dua pertimbangan: (a) menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada warga Singapura, dengan (b) memastikan premium termampu. Pertimbangan-pertimbangan ini mesti diimbangi dengan cermat memandangkan pada akhirnya, pembayaran dibayar melalui premium bagi memastikan MediShield Hayat kekal mampan.

5. Berpandukan pertimbangan-pertimbangan ini, Majlis MediShield Hayat telah mengenal pasti peningkatan-peningkatan awal pada tiga bahagian:

(a) Memperbaharu dan memperhalus had tuntutan untuk memberikan perlindungan yang lebih baik

6. Had tuntutan MediShield Hayat sepatutnya diperbaharui untuk meliputi 9 daripada 10 bil dan sepatutnya disamak lebih kerap untuk memastikan bahawa skim tersebut menyediakan perlindungan yang mencukupi pada masa inflasi dan kemajuan perubatan. Tambahan pula, Majlis menyarankan pengemaskinian yang berikut:

- i. Memperkenalkan had tuntutan bagi rawatan spesifik untuk penjagaan hospital komuniti dan rawatan radio terapi bagi pesakit-pesakit luar untuk meluaskan perlindungan kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan radio terapi penjagaan sub-akut¹ atau radio terapi pesakit luar yang lebih mahal.
- ii. Meningkatkan had tahun tuntutan polisi daripada \$100,000 ke \$150,000 untuk melindungi warga Singapura daripada bil-bil mahal disebabkan tempoh rawatan di hospital yang lebih lama atau berkali-kali pada satu-satu tahun dengan lebih baik.

(b) Peningkatan untuk menyokong transformasi penjagaan kesihatan yang lebih menyeluruh

7. Sejar dengan transformasi penjagaan kesihatan yang lebih menyeluruh, Majlis MediShield Hayat menyarankan beberapa peningkatan untuk lebih menyokong warga Singapura yang boleh dirawat dengan lebih baik di hospital komuniti atau di rumah, dengan mengurangkan keperluan untuk penjagaan hospital yang mahal.

- i. Memperkenalkan had tuntutan yang lebih tinggi untuk caj wad dan rawatan harian untuk dua hari pertama rawatan akut di hospital kerana ujian diagnostik dan penyiasatan. Ini untuk menyokong pesakit-pesakit yang boleh pulang awal.
- ii. Mengurangkan potongan² untuk pembedahan-pembedahan sehari untuk pesakit-pesakit lebih tua, agar mereka boleh memilih pembedahan seharian daripada menjadi pesakit dalam.

(c) Cadangan untuk Peningkatan-peningkatan lain

8. Majlis MediShield Hayat juga menyarankan beberapa peningkatan seperti yang berikut:

- i. Mengurangkan faktor³ pro-rata sehingga 25% untuk hospital swasta bagi memaparkan caj sebenar dengan lebih tepat dan memastikan pariti yang lebih dalam pembayaran antara pesakit yang menerima subsidi dengan pesakit swasta.
- ii. Menghapuskan pengecualian standard untuk rawatan-rawatan yang disebabkan oleh cubaan bunuh diri, cedera sendiri, penagihan dadah dan

alkohol, kerana rawatan memainkan peranan yang lebih penting dalam menyokong dan pemulihan pesakit-pesakit ini.

Semakan premium-premium dan premium mampu beli

9. Premium-premium perlu disesuaikan secara berkala untuk menyokong peningkatan-peningkatan yang menyediakan perlindungan yang lebih baik dan pembayaran yang lebih tinggi, dan untuk bersaing dengan inflasi kos penjagaan kesihatan dan pengalaman tuntutan sebenar. Khususnya, pembayaran MediShield Hayat telah meningkat lebih kurang 40% sepanjang empat tahun yang lalu, dan jumlah penuntut telah meningkat lebih kurang 30%. Buat masa ini, Majlis MediShield Hayat menyarankan agar premium-premium disesuaikan seperti yang diajukan oleh aktuari bagi memastikan skim ini kekal mampan.

10. Memandangkan premium MediShield Hayat kekal tetap untuk lima tahun pertama sejajar dengan komitmen Pemerintah, premium tidak disesuaikan apabila beberapa peningkatan telah diimplementasikan daripada tahun 2018 hingga 2020. Buat masa ini, penyesuaian akan mengambil kira peningkatan-peningkatan ini.

11. Subsidi dan sokongan premium akan terus dilanjutkan kepada keluarga berpendapatan rendah dan pertengahan, warga emas daripada Generasi Merdeka dan Perintis. Premium masih boleh terus dibayar melalui MediSave. Premium total keluarga selepas subsidi akan berada dalam kalangan sumbangan tahunan MediSave dan aliran masuk untuk kebanyakan keluarga.

12. Meskipun begitu, Majlis akur bahawa segolongan warga Singapura mungkin menghadapi cabaran yang lebih dalam perihal premium mereka kerana kesan COVID-19, dan telah memohon Kementerian Kesihatan (MOH) untuk menimbangankan pemberian bantuan tambahan semasa tempoh yang luar biasa ini. Majlis gembira untuk berkongsi bahawa MOH akan menambah sokongan untuk warga Singapura selama dua tahun akan datang. Tiada sesiapa yang akan kehilangan perlindungan MediShield Hayat mereka disebabkan oleh kesukaran kewangan.

13. Sila rujuk Lampiran A untuk butiran tambahan tentang saranan-saranan awal, dan Lampiran B untuk ilustrasi tentang cara saranan-saranan awal itu boleh meningkatkan perlindungan untuk pesakit-pesakit.

Butiran-butiran Perundingan Awam

14. Majlis MediShield Hayat ingin menjemput orang awam menyumbang pandangan dan maklum balas berkenaan saranan-saranan awal. Majlis akan menilai maklum balas orang awam yang diterima sebelum membuat saranan muktamad pada akhir 2020. Kertas perundingan awam berserta butiran saranan-saranan awal boleh didapatkan di <http://www.moh.gov.sg/e-consultation/mshl2020>.

15. Semua maklum balas boleh dikirimkan dari jam 6 petang, 29 September 2020 hingga jam 6 petang, 20 Oktober 2020 melalui borang maklum balas dalam talian di

<http://www.moh.gov.sg/e-consultation/mshl2020> atau kirimkannya ke alamat: Quality Service, Ministry of Health, 16 College Road, College of Medicine Building, Singapore 169854. Semua respons yang diterima sebelum tarikh penutup akan dinilai sepenuhnya.

**MINISTRY OF HEALTH
KEMENTERIAN KESIHATAN**

29 SEPTEMBER 2020

Butiran Tambahan tentang Saranan-saranan Awal dari Majlis MediShield Hayat

Perubahan Yang Disarankan terhadap Had Tuntutan MediShield hayat, Potongan dan Faktor Pro-rata

Majlis MediShield Hayat menyarankan perkara-perkara berikut terhadap manfaat MediShield Hayat agar warga Singapura boleh terus mendapatkan perlindungan mencukupi terlindung daripada bil hospital yang mahal dan kos rawatan pesakit luar yang tinggi.

Jadual A1: Saranan Perubahan terhadap Had Tuntutan

	Semasa	Saranan
Rawatan Pesakit Dalam		
Caj Wad dan Rawatan Harian		
- Wad Biasa	\$700 sehari	\$800 sehari*
- Ward IVC	\$1,200 sehari	\$2,200 sehari*
<i>* Had tuntutan tambahan sebanyak \$200 sehari untuk dua hari pertama</i>		
- Psikiatrik	\$100 sehari, sehingga 35 hari setiap tahun polisi	\$160 sehari, sehingga 65 hari setiap tahun polisi
Pembedahan Radioaktif Stereotaktik	\$4,800 setiap rawatan	\$10,000 setiap rawatan
Hospital Komuniti		
- Penjagaan Rehabilitasi [^]	\$350 sehari	\$350 sehari
- Penjagaan sub-akut [^]		\$430 sehari
Rawatan pesakit luar		
Dialisis Ginjal	\$1,000 sebulan	\$1,100 sebulan
Immuno suppressants untuk pemindahan organ	\$200 sebulan	\$550 sebulan
Radio terapi untuk Barah		
Radio terapi luaran (kecuali separuh badan)	\$140 setiap rawatan	\$300 setiap rawatan
Radio terapi separuh badan		\$900 setiap rawatan
Had Tuntutan Maksimum		
Had Tuntutan Tahun Polisi	\$100,000	\$150,000

[^] *Penjagaan rehabilitasi merujuk terapi untuk memulihkan kecacatan pos-sakit dan ketidaksempurnaan fungsional. Penjagaan sub-akut untuk perubatan untuk penjagaan sub-akut yang rumit dan memerlukan tambahan ubat dan penjagaan kejururawatan intensiti yang lebih rendah dibandingkan dengan penjagaan yang diuruskan di semua hospital akut.*

Jadual A2: Saranan Perubahan kepada Potongan

Ward/Rawatan	Semasa	Saranan
Pembedahan sehari		
- Umur melebihi 80 tahun	\$3,000	\$2,000

Table A3: Saranan Perubahan pada faktor pro rata

Ward/Rawatan	Semasa	Saranan
Hospital Swasta (termasuk pembedahan sehari)	35%	25%

Ilustrasi tentang cara saranan-saranan awal yang boleh meningkatkan perlindungan untuk para pesakit

Pesakit yang mempunyai bil yang luar biasa

Contoh 1

Seorang kanak-kanak warga Singapura berusia 8 tahun telah dirawat di hospital selama 147 hari kerana sawan. Pesakit tersebut inap di Ward C dan perlu tinggal di ICU (Unit Penjagaan Intensif) selama 80 hari. Sepanjang tempoh tersebut, pesakit menjalani lima pembedahan.

Taburan bil adalah seperti yang tertera pada Jadual B1 di bawah.

Table B1: Taburan Bil untuk pesakit berumur 8 tahun yang di hospital selama 147 hari.

	Jumlah	
Jumlah Bil Sebelum Subsidi Pemerintah	\$546,500	
Bil Setelah Subsidi Pemerintah ¹	\$142,100	
Pembayaran MediShield Hayat	Semasa	Saranan
	\$100,000 (had pada \$100,000)	\$136,037
MediSave dan/atau Wang tunai	\$42,100 ²	\$6,063

¹ Para pesakit wad C menerima subsidi Pemerintah yang teruji-min sehingga 80% daripada jumlah total.

² Dalam kes sedemikian, Medifund menguruskan \$40,7000 dan yang baki \$1,400 dibayar menggunakan MediSave ahli keluarga.

Dengan had tuntutan tahun polisi meningkat ke \$150,000, MediShield akan menyediakan jumlah bayaran yang lebih tinggi.

Pesakit-pesakit yang Memerlukan Penjagaan yang Lebih Mahal.

Contoh 2

Seorang warga Singapura berusia 60 tahun telah dimasukkan ke hospital privet disebabkan jangkitan pada tulang. Pesakit tersebut inap di wad yang bersubsidi dan menerima penjagaan sub-akut selama 25 hari.

Pesakit tersebut dipindahkan ke hospital komuniti untuk penjagaan sub-akut setelah menjalani rawatan di hospital akut. Apabila penjagaan intensif di hospital akut tidak lagi diperlukan, pesakit tersebut telah memenuhi potongan jumlah MediShield Hayat

untuk tahun tersebut disebabkan bil hospital akut. Potongan hanya perlu dilakukan sekali dalam tahun polisi.

Taburan bil untuk rawatan di hospital komuniti adalah seperti yang tertera pada Jadual B2

Jadual B2: Taburan bil untuk pesakit 60 tahun yang dirawat di hospital selama 25 hari

	Bil Hospital¹	Pengiraan Tuntutan MediShield Hayat	
Jumlah Bil	\$17,300		
Jumlah Bil Setelah Subsidi Pemerintah ²	\$10,700		
- Caj-caj Wad dan Rawatan Harian (25 hari penjagaan sub-akut di hospital komuniti)	\$10,700	Semasa³ \$8,750	Saranan⁴ \$10,700
Jumlah Total Yang boleh Dituntut	-	\$8,750	\$10,700
Kurang Potongan ⁵	-	\$0 (telah dipenuhi sebelum rawatan hospital)	
Kurang insurans bersama ⁶	-	(\$262.50)	(\$321)
MediShield Hayat Membayar	-	\$8,487.50	\$10,379
Jumlah yang boleh dikeluarkan daripada MediSave		\$2,212.50	\$321
Jumlah Wang Tunai dari Poket	-	\$0	\$0

¹ Sebagai seorang pesakit warga Singapura yang menetap di wad hospital komuniti yang menerima subsidi, Tuntutan MediShield Hayat dikira berdasarkan 100% jumlah bil.

² Para pesakit wad hospital komuniti boleh menerima subsidi pemerintah sehingga 75% daripada jumlah bil keseluruhan berdasarkan ujian-min.

³ Pengurangan had tuntutan untuk caj wad dan rawatan harian di hospital komuniti, (\$350 x 25 hari) = \$8,750, atau 100% daripada caj yang dikenakan sebanyak \$10,700. Maka itu, jumlah yang boleh dituntut adalah sebanyak \$8,750.

⁴ Di bawah saranan awal, had tuntutan untuk penjagaan sub-akut di Hospital Komuniti, jumlah yang boleh dituntut adalah jumlah yang lebih rendah daripada had tuntutan (\$430 x 25 hari) = \$10,750, atau 100% daripada caj yang dikenakan sebanyak \$10,700. Maka, jumlah yang boleh dituntut sebanyak \$10,700.

⁵ Pesakit telah pun dikenakan potongan untuk bil hospital sebelum ini.

⁶ Insurans bersama = 10% daripada jumlah yang boleh dituntut untuk \$5,000 pertama termasuk potongan, diikuti dengan 5% untuk \$5,000 selanjutnya dan 3% untuk jumlah yang boleh dituntut melebihi \$10,000. Pesakit itu sudah pun berada di tingkatan 3% untuk insurans bersama disebabkan oleh tuntutan yang dilakukan pada bil hospital sebelum ini.

Pesakit-pesakit yang menetap sebentar di Hospital Akut

Contoh 3

Seorang pesakit warga Singapura berumur 37 tahun telah dimasukkan ke hospital akut selama dua hari kerana jangkitan bakteria, yang mungkin berpunca daripada memakan daging mentah/ kurang masak. Pesakit menginap di Wad C dan 80% daripada jumlah bil adalah untuk ujian diagnostik dan penyiasatan.

Pesakit telah memenuhi kehendak potongan tahunan MediShield Hayat melalui bil hospital yang lalu. Potongan hanya perlu dilakukan sekali dalam setahun polisi.

Taburan bil rawatan di hospital akut adalah seperti yang tertera pada Jadual B3:

Jadual B3: Taburan bil untuk pesakit 27 tahun yang dirawat di hospital selama 2 hari

	Bil Hospital ¹	Pengiraan Tuntutan MediShield Hayat	
Jumlah Bil	\$3,750		
Jumlah Bil Setelah Subsidi Pemerintah ²	\$1,800		
- Caj-caj Wad dan Rawatan Harian (2 hari di Wad C)	\$1,800	Semasa³	Saranan⁴
		\$1,400	\$1,800
Jumlah Total Yang boleh Dituntut	-	\$1,400	\$1,800
Kurang: Potongan ⁵	-	\$0 (syarat ini sudah dipenuhi)	
Kurang: Insurans bersama ⁶	-	(\$140)	(\$180)
MediShield Hayat Membayar	-	\$1,260	\$1,620
Jumlah yang boleh dikeluarkan daripada MediSave		\$540	\$180
Jumlah Wang Tunai dari Poket	-	\$0	\$0

¹ memandangkan pesakit warga Singapura yang menginap di Wad C, tuntutan MediShield Hayat dikira berdasarkan 100% daripada jumlah bil

² para pesakit wad C menerima subsidi Pemerintah yang teruji-min sehingga 80% daripada jumlah total

³ Had tuntutan lebih rendah untuk caj wad dan rawatan harian di wad normal, (\$700 x 2 hari) = \$1,400, atau, 100% daripada jumlah caj sebanyak \$1,800. Maka itu, jumlah tuntutan adalah sebanyak \$1,400.

⁴ Di bawah saranan sementara, had tuntutan untuk dua hari pertama di hospital akut, jumlah yang boleh dituntut lebih rendah daripada had jumlah tuntutan (\$1,000 x 2 hari) = \$2,000, atau 100% daripada caj yang dikenakan sebanyak \$1,800. Maka itu, jumlah tuntutan adalah sebanyak \$1,800.

⁵ Pesakit telah pun dikenakan potongan pada bil hospital sebelum ini.

⁶ Insurans Bersama = 10% daripada jumlah yang boleh dituntut untuk \$5,000 yang pertama, termasuk potongan.